

**TEKS UCAPAN ALUAN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**MAJLIS PERASMIAN MINGGU HALUAN SISWA
SESI 2011/2012**

*Selasa, 6 September 2011, 2.30 petang
Dewan Besar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka*

1

Bismillahirrahmanirrahim

A.SALUTASI

Terima kasih saudara Pengacara majlis

Y.B. Dato' Saifuddin bin Abdullah
Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Y.Bhg. Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

2

Y.Bhg. Prof. Dr. Muhammad Ghazie bin Ismail
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Wakil Media Massa

Jawatankuasa Pelaksana MHS, para fasilitator MHS

Mahasiswa/i baru Universiti Teknikal Malaysia Melaka seterusnya
hadirin yang dikasihi sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera
dan Salam 1 Malaysia

3

B. PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah bersama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita semua berkumpul pada petang yang mulia ini untuk menjayakan satu program penting, iaitu Majlis Perasmian Minggu Haluan Siswa Sesi 2011/2012 Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang berlangsung mulai 4 – 8 September 2011.
2. Di kesempatan ini, saya bagi pihak Pengurusan Tertinggi Universiti ingin mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan serta merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y.B. Dato' Saifuddin bin Abdullah, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia di atas kesudian untuk hadir ke majlis ini yang amat bermakna dan merupakan penghargaan buat kita semua.

4

3. Saya juga mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan tahniah, di atas kejayaan mahasiswa/i baru yang terpilih untuk menyambung pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi, khasnya di Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Sehingga 5 September 2011, kemasukan pelajar baru Ijazah Sesi I 2011/2012 adalah seramai **2,219** iaitu **312** orang bagi Fakulti Kejuruteraan Elektrik, **330** orang bagi Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer, **337** orang bagi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, **300** orang bagi Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, **209** orang bagi Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan, **378** orang bagi Fakulti Teknologi Maklumat & Telekomunikasi serta **353** orang bagi Fakulti Teknologi Kejuruteraan yang baru ditubuhkan pada bulan April 2011.
4. Selamat Datang ke Negeri Melaka, negeri tersohor dengan kota bersejarah yang mendapat pengiktirafan *United Nation* sebagai

5

World Heritage City, di samping produk pelancongannya yang lain. Saya pasti kehadiran mahasiswa/i untuk memulakan sesi pengajian di sini bakal menempuhi suatu pengalaman yang sukar untuk dilupakan.

5. Program Minggu Haluan Siswa yang dianjurkan oleh Universiti pada setiap tahun mempunyai falsafah yang perlu dihayati oleh setiap mahasiswa baru. Program ini, adalah **laluhan pertama** bagi mahasiswa baru sebagai persediaan menjadi sebahagian daripada komuniti gedung ilmu. Ini kerana, pengharapan warga kampus terhadap kehidupan di Universiti adalah digarap melalui pelaksanaan Program Minggu Haluan Siswa supaya **seiring dengan nilai dan budaya Universiti** agar bersesuaian dengan keperluan mahasiswa dan seterusnya mengikuti program pengajian di Universiti dengan yakin dan jayanya.

6

6. Mahasiswa baru yang menjejakkan kaki ke Universiti membawa bersama kepelbagaian latar belakang, sifat, fahaman, harapan dan pengalaman. Ianya merupakan aset penting yang dapat **menyatupadukan mahasiswa, memupuk rasa saling memahami dan sikap toleransi** yang boleh terarah kepada sumber kekuatan untuk meneruskan perjuangan menuntut ilmu.
7. Maka dengan itulah, program MHS ini dirancang pengisiannya penuh dengan elemen kemesraan dan saling menghormati supaya ia dapat mencetuskan motivasi, semangat dan daya saing positif ke arah mencapai kecemerlangan akademik. Di sepanjang program berlangsung, seramai **150 orang fasilitator** telah kita latih untuk membantu mahasiswa baru mengenali dan menyesuaikan diri akan kehidupan di kampus. Dapatkanlah bimbingan dan panduan dari fasilitator,

7

bertanyalah apa juga kemusykilan berhubung perjalanan pembelajaran dan sebagainya.

C2.Pengenalan : Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Mahasiswa/i yang dikasihi,

8. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2000 di bawah Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dengan nama Kolej Universiti Teknikal Malaysia Melaka (KUTKM). Pada 1 Februari 2007, dengan berlakunya penstrukturan semula maka KUTKM telah bertukar kepada UTeM.
9. UTeM adalah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ke 14 di Malaysia dan merupakan Universiti Teknikal Pertama di Malaysia, sekali gus menjadi perintis kepada program pengajian

8

teknikal berasaskan aplikasi dan amalan. Mula beroperasi di Kampus Induk Durian Tunggal pada 2008, kemudahan yang disediakan telah hampir lengkap melibatkan prasarana seperti Masjid, Pusat Persatuan Pelajar, Kompleks Sukan, Dewan Konvoquesyen, Kafeteria dan Perpustakaan.

C3.Pencapaian Akademik, Penyelidikan dan aktiviti pelajar

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. Dalam bidang akademik, UTeM sentiasa memastikan program-program yang ditawarkan mendapat akreditasi. Dalam tahun 2010, sebanyak **5 program Diploma dan 5 Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi** telah mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam. Bagi program Sarjana Muda Kejuruteraan pula, **16 kursus** telah mendapat akreditasi dari Lembaga Jurutera Malaysia (BEM). Selain itu,

9

sukacita juga saya nyatakan bahawa **14 program akademik** dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan serta Fakulti Kejuruteraan Elektrik telah diberikan pengiktirafan status MSC oleh Multimedia Development Corporation (MDeC).

11. Di samping pencapaian akademik, UTeM juga aktif dalam penyelidikan dan pengkomersialan. Sehingga kini, penyelidik UTeM telah merangkul **kejayaan dalam pertandingan reka cipta sama ada di peringkat dunia mahu pun tempatan**. Di peringkat antarabangsa misalnya, UTeM telah memenangi **dua pingat emas, dua perak dan satu gangsa serta satu Anugerah Khas** (Swiss Automobile Association) semasa berlangsungnya 39th Geneva Expo 2011 di Switzerland. Manakala kejayaan di peringkat tempatan telah diraih apabila UTeM memenangi sejumlah **40 pingat** di Malaysian Technology Expo (MTE) dan

10

22nd International Invention, Innovation & Technology Exhibiton 2011 (ITEX).

12. Kejayaan ini tidak hanya pada aspek penyelidikan dan akademik, sebaliknya **mahasiswa juga aktif** dalam pertandingan nyanyian, tarian, sukan, debat dan Musabaqah Tilawah Al-Quran. Sebagai contoh, mahasiswa UTeM pernah memenangi geran dari MDeC, iaitu “Pre-Seed Fund” berjumlah RM150,000.00 dalam pertandingan IHL Bussiness Plan Competition anjuran MDeC. Justeru, Universiti tidak menghadkan penglibatan mahasiswa kepada aspek teknikal sahaja, sebaliknya pembelajaran dan pengalaman yang diperoleh di luar kuliah atau tutorial juga menjadi panduan kepada memupuk jati diri mahasiswa hari ini.

11

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

C4.Melahirkan Mahasiswa Berkualiti

13. Mahasiswa merupakan kumpulan terbesar dalam mana-mana gedung ilmu. Kumpulan ini menjadi “**unit of analysis**” kepada pencapaian Universiti secara keseluruhannya. Pihak Universiti sedar akan harapan negara agar graduan yang bakal dilahirkan dapat menguasai ilmu dan kemahiran yang tinggi. Fungsi dan tanggungjawab Universiti kini telah bertambah apabila perlu memikirkan bagaimana mahu menghasilkan graduan benar-benar berkualiti dan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi.
14. Oleh itu, di kesempatan ini saya mengingatkan kepada mahasiswa agar menyahut cabaran menjadi **individu cemerlang** dengan memberi sepenuh tumpuan kepada pembelajaran. Hal-hal melibatkan kehadiran ke kuliah, tutorial,

12

perbincangan kumpulan, selalu bertanya dan sentiasa mengunjungi pustaka ilmu yang ada merupakan budaya kecemerlangan yang seharusnya menjadi ikutan. Jadikan amalan sihat seperti berpersatuan, bersukan, khidmat masyarakat dan kesenian sebahagian dari alternatif yang perlu untuk mempertingkatkan kualiti dan bakat kepimpinan yang sedia ada.

D.PENUTUP

15. Akhir kata saya sekali lagi merakamkan ribuan terima kasih kepada Y.B. Dato' Saifuddin bin Abdullah, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia kerana sudi melapangkan masa untuk merasmikan majlis pada hari ini. Kepada Jawatankuasa Pelaksana MHS, Fasilitator, syabas dan terima kasih atas usaha

13

memastikan program ini berjalan lancar. Istimewa kepada semua mahasiswa baru, saya doakan semoga maju jaya sepanjang pengajian anda di UTeM serta turut mengambil kesempatan ini mengucapkan **Selamat Hari Raya Aidil Fitri** kepada semua yang meraikannya.

*Berlalu Ramadhan, Aidilfitri menjelma
Syawal di-rai, sedetik namun gembira
Kejarkan ilmu, sanggup ditinggal semua
Ke arah menerangi hidup nan sejahtera*

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik wal hidayah wasalamualikum wbt.

14